

CNS4954

U GB 11-01 00198 BH117

AAP

Mahathir

I

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Negara-negara Asia di pinggir Pasifik yang mempunyai potensi menjadi nadi pertumbuhan ekonomi secara bersama, perlu berikhtiar mencari jalan bagi mengukuhkan kerjasama serantau, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, malam ini.

+Pada peringkat permulaan sekurang-kurangnya kita perlu belajar untuk berbincang sesama sendiri dan menyuarakan pendirian yang sama apabila mengadakan rundingan dengan blok Eropah dan Amerika,+ katanya semasa berucap pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Singapura, Encik Goh Chok Tong.

Encik Goh tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari. Lawatan itu merupakan yang pertama sejak beliau mengambil alih jawatan itu daripada Encik Lee Kuan Yew, November lepas.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang baru-baru ini menggesa penubuhan Pakatan Ekonomi Asia Tenggara, berkata ketika dunia sedang menyaksikan perpaduan yang belum pernah berlaku sebelum ini di kalangan negara-negara dalam arena politik, +ianya agak malang aliran bertentangan didapati berlaku untuk mengancam sistem perdagangan pelbagai hala, dengan perwujudan blok-blok perdagangan+.

Sehubungan itu, negara-negara Asia perlu mencari jalan untuk mengatasi masalah perdagangan antara mereka ke arah membina pasaran sendiri dan menjadikannya menarik kepada blok Eropah dan Amerika. -- Lagi

♥11/01/22-44MST

CNS4955

U GB 11-01 00208 BH118

AAP

Mahathir 2 Kuala Lumpur

+Dengan cara itu, kita akan mampu memiliki lebih banyak kuasa tawar-menawar dan berada dalam keadaan yang lebih baik semasa berunding bagi mendapatkan pengaliran barangan yang lebih bebas antara semua negara -- iaitu perdagangan bebas,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau berkata mereka tidak seharusnya mengetepikan dasar pelbagai hala. +Tetapi untuk menyelamatkan dasar pelbagai hala, kita mesti bersatu ke arah penubuhan blok perdagangan yang telahpun dibentuk dan berusaha terhadap perdagangan bebas+.

+Kita tidak perlu membuat pilihan. Ia telahpun dibuat untuk kita oleh orang lain+.

+Jika kita tidak tahu cara atau takut hendak bertindak kerana akan dicapkan terhadap kita, sudah pasti kita akan rugi+.

+Kita sungguh tidak faham mengapa ianya patut bagi sesetengah negara bergabung dan melindungi diri sendiri sedang negara-negara lain tidak berbuat demikian,+ kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Beliau juga melahirkan harapan agar Singapura terus berfikiran terbuka terhadap cadangan Malaysia mengenai kerjasama ekonomi yang rapat melibatkan negara-negara Asia di pinggir Pasifik.

Mengenai hubungan antara kedua-dua negara, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia berpendapat bahawa hubungannya dengan negara-negara jiran terdekat sangat penting dan akan sentiasa memberi perhatian berat terhadap usaha mengekalkan hubungan yang baik antara kedua-dua negara. -- Lagi

♥11/01/22-48MST

CNS4956

U GB 11-01 00207 BH119

AAB

Mahathir 3 Kuala Lumpur

+Pihak media sering dipersalahkan kerana membuat spekulasi yang melampau mengenai hubungan dua hala kita tetapi ini memang dijangka memandangkan hakikat bahawa sebelum ini Singapura dan Malaysia adalah sebuah negara yang berpisah kerana adanya perbezaan-perbezaan. Adalah biasa untuk menjangka perbezaan-perbezaan itu terus menghantui hubungan kita,+ tambah beliau.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata melihat kepada kejayaan-kejayaan yang dicapai setakat ini, beliau tetap yakin bahawa kedua-dua negara dapat menempa satu matlamat yang sama yang dapat memberi faedah kepada kedua-dua negara sekiranya kerjasama yang rapat diteruskan.

Sambil memperakui bahawa Singapura dan Malaysia tetap komited kepada ASEAN, Perdana Menteri berkata adalah penting bagi negara-negara anggota ASEAN berikhtiar mengatasi halangan-halangan yang ada ke arah pencapaian kerjasama ekonomi yang lebih rapat di rantau ini.

Katanya, kejayaan-kejayaan ASEAN dalam bidang politik telah memberi reputasi yang baik sebagai sebuah pertubuhan serantau yang kuat, yang demikian usaha-usaha untuk meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan negara-negara anggota juga menjadi sama penting.

+Ketika kepentingan-kepentingan dan untung nasib kita sedang diancam oleh keadaan politik dan ekonomi yang tidak menentu, adalah penting bagi kita berikhtiar mencari jalan untuk mengatasi halangan untuk mencapai kerjasama ekonomi yang lebih rapat di kalangan negara-negara ASEAN,+ tambahnya. -- Lagi

♥11/01/22-51MST

CNS4957

U GB 11-01 00184 BH120

AAP

Mahathir 4 Kuala Lumpur

Dalam ucapan balasnya, Encik Goh berkata beliau menyokong saranan Datuk Sari Dr Mahathir untuk mewujudkan kerjasama ekonomi yang lebih rapat di kalangan negara-negara Asia di pinggir Pasifik.

Sambil menyifatkan idea itu sebagai mempunyai potensi besar, beliau berkata ia merupakan satu pandangan yang jauh dan berbentuk imaginatif.

+Saya menyokongnya. Saya juga setuju dengan usaha meningkatkan kerjasama ekonomi serantau di kalangan negara-negara Asia di rantau Pasifik, walau apapun hasil daripada Rundingan Uruguay,+ tambahnya.

Encik Goh berkata kedua-dua negara mempunyai matlamat ekonomi yang sama -- untuk meningkatkan kerjasama ekonomi, menggalakkan perdagangan bebas dan meningkatkan sokongan mereka terhadap perdagangan bebas.

Katanya, kerjasama serantau yang rapat dalam ASEAN serta dengan negara-negara Asia Timur akan menjadikan rantau ini mempunyai potensi ekonomi yang lebih besar dan meningkatkan aliran perdagangan dan pelaburan.

+Oleh kerana ianya boleh dilakukan mengikut kaedah GATT, ia akan meningkatkan sistem perdagangan bebas pelbagai hala, membantu kerjasama ekonomi ASEAN dan memberi lebih makna kepada proses Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (APEC) tanpa menjejaskan hubungan penting perdagangan tradisi kita,+ tambah beliau. -- Lagi

♥11/01/22-53MST

CNS4959

U GR 11-01 00204 BH122

AAB

Mahathir 5 Kuala Lumpur

Sambil menarik perhatian bahawa Menteri-menteri Ekonomi ASEAN telahpun membincangkan idea kerjasama ekonomi serantau yang lebih rapat itu sejak sekian lama tetapi belum lagi menemui cara bagi menjadikannya satu kenyataan, Encik Goh berkata saranan Perdana Menteri itu +akan memberi kesan yang lebih bermakna kepada usaha itu+.

+Dan kepentingan kita akan dilindungi dengan lebih baik dalam kes ini sekiranya perundingan GATT gagal menghasilkan keputusan memuaskan,+ katanya.

Sebelum itu, Encik Goh berkata Datuk Seri Dr Mahathir dan Encik Lee Kuan Yew, telah membina rangka kerjasama yang kukuh antara kedua-dua negara, sambil memberikan contoh Perjanjian Air dan Gas yang ditandatangani baru-baru ini sebagai kemuncak perhubungan itu.

+Saya berasa bertuah untuk mengambilalih daripada Encik Lee Kuan keadaan hubungan yang baik ini. Saya berhasrat untuk mengukuhkannya+.

Encik Goh berkata, tidak syak lagi mereka kadang-kala mempunyai perbezaan kerana dua negara yang berjiran di mana-manapun di dunia ini pasti ada. Tetapi mereka berjaya mengatasinya berbanding dengan negara-negara lain yang berjiran, dan malahan hubungan itu semakin kukuh.

Beliau juga berkata, kalau boleh beliau mahu mewujudkan hubungan baik dalam banyak bidang dengan Malaysia: pembangunan ekonomi, pertahanan dan keselamatan, pendidikan, alam sekitar dan sebagainya. -- Bernama

♥11/01/23-06MST